

02/09/1999

Perdana Menteri akan lawat Selangor

SHAH ALAM, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Selangor pada 13 dan 14 September depan untuk mengadakan perjumpaan bersama rakyat selain bertemu ahli Umno negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata pada 13 September Perdana Menteri akan ke Kuala Selangor untuk mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wanita di Bangunan Umno Kuala Selangor.

Menurutnya, sempena lawatan itu juga Dr Mahathir dijadual merasmikan Kompleks Sukan Kuala Selangor yang menelan belanja RM40 juta dan baru disiapkan serta digunakan pada 5 September ini.

"Dr Mahathir juga akan bermalam di Kuala Selangor sebelum bertolak ke Klang pada keesokan harinya untuk menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Bekas Tapak Pasar Lama Klang.

"Selepas majlis itu beliau akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional di Dewan Jubli Perak Shah Alam sebelum menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Gombak," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat ahli Eco di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri sedang mengadakan persiapan rapi bagi memastikan majlis itu berjalan lancar dan rakyat serta ahli Badan Perhubungan Umno negeri dan Wanita negeri dapat mendengar amanat Perdana Menteri dengan jelas dan berkesan.

(END)